

KERATAN:

Utusan Borneo
(Fair Budaya Etnik)


TARIKH:

M/S:

16/02/2012
(B1)

SAB-A0328/12

Tarian 'pangalay ha agung' yang istimewa



Oleh NOORASVILLA MUHAMMA
noorasvilla@yahoo.com

SEBAIK sahaja lisagan kulintangan, gendang dan paluan gong dimainkan dalam satu rentak yang padu, seorang gadis melangkah masuk ke tengah majlis dengan gerak tari lebut bagi seekor burung helang tinggi.

Tidak lama selepas itu, dengan gerak rentak tangkas seorang lelaki melangkah masuk membawa gong lalu menari bersama si gadis. Seketika, penonton terpegun apabila si gadis naik dan mulai menari di atas gong dengan lembut.

Itulah keunikan dan keistimewaan tarian 'pangalay ha agung' (pangalay gong) yang merupakan antara tarian tradisional bagi masyarakat suku kaum Suluk di daerah Sandakan. Tarian ini ditari secara berpasangan lelaki dan wanita atau berkumpulan.

Dalam bahasa Suluk, pangalay berasal dari perkataan 'alay' yang bermaksud rai yakni merai tetamu dalam sesebuah majlis seperti perkahwinan, keramaian dan majlis rasmi kerajaan

sebagai gong dalam bahasa Melayu.

Pada zaman dahulu, gong merupakan antara alat kebesaran golongan pembesar suku kaum Suluk. Alat itu digantung di dalam rumah sebagai tanda kepimpinan, kehormatan dan keberanian.

Selain itu, gong juga menjadi simbolik bagi ketangkasan, kehandalan, keutamaan, keadilan dan kesejahteraan. Ia turut bertindak sebagai alat untuk memberitahu masyarakat berhubung sesuatu pengumuman seperti berlakunya kematian.

Gong dikatakan mempunyai kaitan dengan golongan wanita Suluk. Masyarakat suku kaum ini memandang tinggi darjah wanita sesuai dengan perintah agama.

Oleh itu, hanya penari wanita sahaja dibenarkan menari di atas gong.

selain merai golongan pembesar yang datang berkunjung ke kampung masyarakat suku kaum berkenaan.

Selain pangalay gong, terdapat beberapa tarian pangalay lain yang menjadi lambang suku kaum Suluk seperti pangalay tempayan, talam, bambu, jin dan junjung gelas atas kepala. Mamansak (memancak), mengeluk dan linggisan juga termasuk dalam kumpulan pangalay.

Tarian pangalay gong mempunyai keunikan tersendiri. Selain pantang larang dan tata tertib, seorang penari pengalay perlu memiliki ketenangan fikiran yang kuat agar boleh menjawai tarian itu.

Antara pantang larang termasuk hanya penari wanita sahaja yang dibenarkan menari di atas gong. Sementara penari lelaki akan menari di sekeliling sambil 'manangbay' penari wanita.

'Agung' dalam bahasa Suluk merujuk kepada satu alat muzik utama berbentuk bulat dan berbenjol di tengah ataupun lebih dikenali

gong dengan tujuan memberi penghormatan kepada golongan berkenaan di tempat yang agung seperti gong.

Presiden Persatuan

Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Suluk (Pusaka), Hatta Yunus @Sawabi yang mesra dengan panggilan guru, berkata tarian pangalay gong mempunyai mesej dan cerita mengenai perpaduan, keharmonian dan keagamaan.

Katanya, penari pangalay lazimnya akan 'di'biat' iaitu diberi ilmu khusus oleh golongan yang mahir mengenai tata tertib, kesopanan selain adat yang perlu dijaga ketika menari di khalayak ramai.

"Biat merupakan kunci utama bagi seorang penari pangalay. Tanpa biat, penari sukar untuk

menjawai tarian dan bersatu dengan rentak muzik hingga menyebabkan mesej yang dibawa tidak sampai kepada penonton,"

UB - 16/02/12 (B1)

katanya.
Bagi pakaian dan kelengkapan, penari wanita memakai persalinan yang dipanggil baju 'kuput/batawi' atau 'sablay', seluar 'sawwal' dan 'habul tiyahian' (sejenis kaín yang ditenun) yang dikendang di bahu.

Penari wanita turut memakai 'janggay' (kuku panjang) yang dipakai di

setiap jari selain hiasan di bahagian kepala seperti untaian rantai emas atau mutiara.

Manakala, penari lelaki memakai baju lapi' berlapis baju singlet putih dan berseluar 'birinu'

ialah sejenis seluar yang berbelah di hujung hadapan seluar serta memakai pengikat kepala yang dipanggil 'pis'. Mereka juga membawa sebuah gong besar ketika menari.

Sementara peralatan muzik yang mengiringi gerak tari pengalay termasuk kulintangan, gong dan tambur. Kulintangan terbahagi kepada kulintangan sendiri dan tung-tung kebiasaannya dimainkan oleh seorang setiap satu alat. Sementara seorang mengendalikan gendang dan dua orang untuk gong.

Tarian pangalay gong sememangnya jarang dipersembahkan di khalayak ramai terutama majlis-majlis tertentu. Ditambah dengan kurangnya minat daripada golongan muda menjadi faktor yang menyebabkan tarian tradisional itu mulai pupus.

Sehubungan itu, Pusaka merangka dan melaksana pelbagai inisiatif untuk mengangkat semula tarian pangalay menerusi penyertaan dalam majlis-majlis keramaian

seperti Festival Tarian Kebangsaan di Kuala Lumpur (2009) dan Festival Kebudayaan Antarabangsa di Tawau, tahun lalu.

Persatuan berdaftar itu turut aktif mengadakan program sendiri selain mengikuti program anjuran agensi kerajaan seperti bengkel tarian dan muzik, latihan berkala, seminar kebudayaan serta pencarian bakat pangalay.

"Pusaka tidak hanya menumpukan usaha untuk mengangkat kebudayaan Suluk semata-mata sebaliknya turut fokus dalam menerbitkan buku tradisional Suluk. Begitu juga aspek pendidikan, ekonomi dan keagamaan masyarakat yang turut diberi penekanan.

"Persatuan kami juga bercita-cita mahu mewujudkan rumah budaya suku kaum Suluk dengan penganjuran pelbagai aktiviti budaya meliputi tarian, makanan, pakaian dan adat istiadat. Usaha ini akan dapat mengekalkan warisan budaya sekaligus menjadi daya tarikan pelancong," katanya yang turut dibantu oleh Samad Batua dalam Pusaka.

VB - 16/02/2012 (B1)



PUSAKA ketika menyertai perarakan sempena sambutan Maulidur Rasul di Sandakan, baru-baru ini.



KOMUNITI PUSAKA yang ditubuhkan bertujuan memartabat kesenian dan kebudayaan suku kaum Suluk.

UB - 16/02/12 (B1)




PASANGAN pengalay lelaki dan wanita sambil diiringi muzik kulintangan. (Gambar atas)

ANTARA pakaian dan aksesori yang digunakan oleh pangalay wanita. (gambar kiri)

HATTA (dua dari kiri) ketika menerima sijil sempena pembikinan video tradisional Sabah. (Gambar kanan)

PANGALAY wanita menari diatas gong sambil dikelilingi oleh pengalay lelaki.



TARIAN pangalay gong yang membawa mesej dan cerita mengenai perpaduan, keharmonian dan keagamaan.



UB - 16/02/12 (B1)

